

# Bahasa Inggeris: Sekolah jenis kebangsaan Cina, Tamil terlibat

UM 14 JUL 2002

GOMBAK 13 Julai — Kerajaan memutuskan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris mulai tahun depan turut melibatkan semua sekolah rendah serta menengah jenis kebangsaan Cina dan Tamil di negara ini.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsudin berkata, kedua-dua jenis aliran itu tidak terkecuali dan para pelajar dari sekolah berkenaan juga akan menikmati sukatan pembelajaran yang sama seperti di sekolah kebangsaan.

“Jika sekolah kebangsaan kena (melaksanakannya), maka sekolah-sekolah dari aliran lain pun akan ikut sama,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Mahasiswa Generasi Felda Se-Malaysia di Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Rektor UIAM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Kamal Hassan dan Pengerusi Gabungan Wawasan Generasi Felda, Tan Sri Rozali Ismail.

Pada 13 Mei lalu, Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad berka-

ta, jawatankuasa khas yang ditubuhkan oleh kementerian akan mengkaji sama ada pelaksanaan dasar baru itu hanya melibatkan sekolah kebangsaan atau melibatkan juga sekolah jenis kebangsaan.

Jawatankuasa itu dibentuk selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 10 Mei mengumumkan hasrat untuk melaksanakan dasar baru pengajaran dua mata pelajaran tersebut menggunakan bahasa Inggeris bermula tahun depan.

Mengulas lanjut Abdul Aziz berkata, masalah pelaksanaan dasar berkenaan di sekolah aliran tersebut timbul memandangkan pengurusan sekolah itu ditadbir sendiri oleh lembaga pengelola yang memutuskan setiap dasar pembelajaran di sekolah.

“Namun, kita berharap lembaga berkenaan mengikuti pelaksanaan dasar baru itu demi kebaikan pelajar sekolah mereka akhirnya walaupun mungkin ada penentangan pada peringkat awal seperti juga penubuhan Sekolah Wawasan dahulu,” ujarnya.

Dalam perkembangan lain, Abdul

Aziz menafikan penangguhan pembentangan keputusan oleh jawatankuasa pelaksanaan bahasa Inggeris kepada Kabinet pada 16 Julai ini disebabkan bimbang dengan pilihan raya kecil di Kedah.

Beliau menjelaskan, penangguhan itu sebenarnya tidak dapat dielakkan tetapi tiada kena mengena dengan pilihan raya berkenaan yang menyaksikan Pas bertindak mengeksploitasi isu tersebut bagi menarik perhatian para pengundi Melayu.

“Hasil laporan jawatankuasa itu sebenarnya sudah lama siap untuk dikemukakan kepada Kabinet, cuma pembentangan itu terpaksa ditangguhkan kerana Perdana Menteri kebetulan pula sibuk dengan urusan lain pada tarikh berkenaan,” katanya.

Pada 3 Julai lalu, Musa memberitahu, beliau akan mengumumkan hasil kajian jawatankuasa itu selepas dibincangkan pada mesyuarat khas Kabinet 16 Julai ini.